

[THE IMPLEMENTATION OF POSTERITY WAQF IN TERENGGANU]

PELAKSANAAN WAKAF ZURIAT DI TERENGGANU

¹MOHD RIDZUAN MOHAMAD

¹ZURITA MOHD YUSOFF*

¹NADHIRAH NORDIN

¹ Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus,
Terengganu, MALAYSIA

*Corresponding author: zurita@unisza.edu.my

Received Date: 10 April 2020 • Accepted Date: 22 May 2020

Abstract

Posterity waqf is an important inheritance for Muslims. Several aspects of posterity waqf have been scrutinized particularly in terms of its governance. Posterity waqf has long been practiced in Terengganu, as early as prior to the national independence. The enforcement of posterity waqf is enshrined in Waqf Enactment (Terengganu State) 2016. Accordingly, the issues pertaining to the implementation of posterity waqf were addressed among others first, the case of posterity without heirs and the role of the authorities to manage the status of this kind of posterity waqf. Secondly, the issue of incomprehensible waqf vows and thirdly, the problem of low land waqf yield and its contributing factors. This issue had also captured the attention of the National Audit Department in 2014. The objective of this study is to scrutinize these three issues. This study is conducted by employing the qualitative research design with the approach of exploratory method. Data were collected by the interview process of several MAIDAM officers as well as from the official sources or records from the department. This study reveals the status of posterity in which 3/12 are active, while 9/12 are still under tracing process by MAIDAM. For the waqf vows, 6/12 of vows were written in roman script, while another 6/12 were written in jawi (Arabic letter) script. One of the waqf vows reviewed and required approval by the Fatwa Committee of Terengganu State is the posterity waqf of Haji Abdullah Bin Mohamad Al-Fatani. Meanwhile, the yield of land waqf is found low and unfavourable. Nonetheless, the beneficiaries still receive the benefit of the land waqf return even at low rates. This is a consequence of the development of the existing posterity land waqf is not in commercial form. Nevertheless, MAIDAM is working towards developing the land waqf in collaboration with the developers and related bodies. In conclusion, if the posterity waqf can be optimally empowered, then this inheritance would act as the catalyst for the socio-economic development of Muslims in this country especially in the state of Terengganu.

Keywords: *Posterity waqf, Family waqf, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Waqf Vows, Waqf Development and Waqf Benefit.*

Abstrak

Wakaf zuriat merupakan warisan penting bagi umat Islam. Pelbagai aspek yang menjadi perhatian terutamanya dari sudut tadbir urus wakaf. Wakaf Zuriat telah lama dikuatkuasakan di negeri Terengganu, ia bermula sejak belum kemerdekaan lagi. Hingga kini, kedudukan wakaf zuriat telah dikanunkan di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Terengganu) 2016. Justeru, mengenai permasalahan pelaksanaan wakaf zuriat yang menjadi perhatian iaitu pertama bagaimana kedudukan ahli zuriat yang tidak mempunyai waris dan apakah peranan pihak penguasa terhadap status wakaf tersebut, kedua ikrar perwakafan yang sukar difahami, ketiga hasil manfaat tanah wakaf yang rendah dan apakah faktornya. Permasalahan ini juga mendapat perhatian oleh pihak Jabatan Audit Negara pada tahun 2014. Objektif kajian ini akan meneliti terhadap tiga aspek tersebut. Kajian ini dilaksanakan melalui reka bentuk kajian kualitatif dan pendekatan pula mengaplikasikan kaedah penerokaan. Data-data yang diperolehi melalui proses temu bual beberapa pegawai MAIDAM dan sumber atau rekod rasmi daripada jabatan tersebut. Kajian ini mendapati bahawa status ahli zuriat iaitu 3/12 adalah aktif manakala 9/12 dalam usaha pencarian oleh pihak MAIDAM. Bagi ikrar perwakafan pula, 6/12 ditulis dalam bahasa rumi manakala 6/12 lagi ditulis dalam bahasa jawi. Salah satu ikrar wakaf yang telah diteliti semula dan perlu mendapat keabsahan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu iaitu wakaf zuriat Haji Abdullah Bin Mohamad al-Fatani. Manakala hasil pendapatan wakaf, ianya kurang memberangsangkan. Pihak pewaris masih memperolehi pulangan manfaat wakaf pada kadar yang rendah. Ini disebabkan pembangunan ke atas tanah-tanah wakaf zuriat yang sedia ada adalah bukan dalam bentuk komersial. Walau bagaimana pun, pihak MAIDAM dalam usaha ke arah membangun tanah wakaf tersebut dengan kerjasama pihak pemaju atau badan-badan yang berkaitan. Kesimpulannya, jika wakaf zuriat dapat diperkasakan dengan lebih optima maka warisan ini menjadi pemacu terhadap pembangunan sosio-ekonomi umat Islam di negara ini khususnya di negeri Terengganu.

Kata Kunci: Wakaf Zuriat, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Ikrar Perwakafan, Pembangunan Wakaf dan Hasil Manfaat Wakaf

Cite as: Mohd Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusoff & Nadhirah Nordin. 2020. Pelaksanaan wakaf zuriat di Terengganu. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 4(1): 107-114.

PENGENALAN

Pengurusan dan segala tadbir urus wakaf adalah di bawah jagaan Majlis Agama Islam Negeri, ini termasuk pengurusan bagi wakaf zuriat. Di Terengganu, Majlis Agama Islam Dan Melayu Terengganu (MAIDAM) adalah badan berautoriti terhadap segala pengurusan wakaf, hal ini telah termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Terengganu) 2001 Seksyen 63 dan Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 Seksyen 4. Kedudukan wakaf zuriat hanya dimuatkan di dalam Enakmen Wakaf (Terengganu) Seksyen 35 (1) mengenai kebenaran wakaf kepada ahli warisnya. Tafsiran waris dalam perundungan tersebut di bawah Seksyen 2 (1) iaitu: ‘Pihak waris yang berhak mendapat harta pusaka menurut hukum syarak’.

Permasalahan mengenai pelaksanaan wakaf zuriat di Terengganu mengambil kira beberapa aspek. Pertama status mengenal pasti ahli zuriat, kedua kesukaran melaksanakan ‘ikrar perwakafan’ dan ketiga hasil pendapatan wakaf zuriat terlalu rendah (Fatimah Harun, Roseli Yusuf 2020). Objektif kajian ini akan menjawab ketiga permasalahan di atas dan implikasinya akan memberi sumbangan kepada pihak yang terlibat seperti Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN). Ia juga memberi sumbangan kepada khazanah ilmu dan berpeluang kepada pengkaji untuk menerokai setiap kelompongan yang ada. Kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan kualitatif dengan menemubual beberapa kakitangan

MAIDAM. Data-data dalam bentuk dokumen seperti ikrar perwakafan, rekod tanah wakaf zuriat dan beberapa maklumat yang berkaitan turut diperolehi di jabatan tersebut. Data yang diperolehi ini akan dianalisis dalam bentuk pendekatan induktif dan deduktif terutama data-data dalam bentuk dokumen seperti ikrar perwakafan. Ia memerlukan kepada pendekatan tersebut kerana ikrar wakaf merupakan sebuah dokumen yang ditulis dalam bentuk tulisan jawi dan usia dokumen tersebut melebihi 10 tahun yang lepas.

DEFINISI

Wakaf zuriat adalah bermaksud seseorang mewakafkan hartanya dan manfaat harta tersebut diberikan kepada seseorang yang ditentukan (Wahbah Al-Zuhaili 2008). Ia diwakafkan kepada seseorang bagi tujuan mendapatkan sebuah kebaikan ke atas dirinya (Atiyyah Muhamah Salim, t.th). Dalam konteks amalan di Malaysia, wakaf zuriat adalah tertumpu kepada seseorang dan seseorang tersebut adalah dikhatuskan kepada ahli zuriatnya seperti anak, cucu hingga lapisan seterusnya (JAWHAR 2009). Definisi wakaf zuriat menurut perundangan wakaf hanya dimuatkan di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Perak) 2015 Seksyen 10 (1) iaitu: ‘wakaf *zurri*’ ertiannya suatu wakaf yang ditentukan oleh *waqif* untuk keluarganya atau untuk seseorang atau lebih daripada seorang yang tertentu bagi tujuan kebajikan’.

Berdasarkan definisi di atas, kedudukan wakaf zuriat adalah mengambil kira manfaat wakaf akan diberikan kepada pihak yang ditentukan oleh pewakaf. Mengikut amalannya, pewakaf akan menentukan seseorang adalah dalam kalangan ahli waris yang terdekat seperti anak, cucu hingga lapisan seterusnya.

WAKAF ZURIAT DI TERENGGANU

Beberapa Majlis Agama Islam Negeri telah melaksanakan wakaf zuriat seperti di negeri Kelantan, Pulau Pinang dan Terengganu. Antara wakaf zuriat yang terkenal di Kelantan adalah wakaf zuriat Tengku Kaya Pahlawan. Tarikh perwakafan ini dibuat pada 1 November 1921. Pada tahun 2019, ahli waris telah dikenal pasti seramai 136 orang iaitu berada pada generasi kelima. Tanah wakafnya telah dibangunkan dengan membina 36 unit premis perniagaan di Jalan Kelochor Bandar Kota Baharu (Syakira Mohamad 2019). Manakala di Pulau Pinang pula, terdapat sebuah wakaf zuriat yang masih aktif iaitu wakaf zuriat Tuan Abdullah @ Haji Abdullah bin Haji Mohamed Salleh. Tarikh perwakafan ini iaitu pada tahun 1898. Pihak MAIPP telah memohon pandangan fatwa dan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Kali Ke-2 bertarikh 21 April 2016 memutuskan bahawa perwakafan ini adalah sah dan merupakan wakaf zuriat (Fakhruddin Abd Rahman 2019).

Di Terengganu, pelaksanaan wakaf zuriat dikuatkuasakan di bawah Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 35 (1) iaitu: ‘Mana-mana orang yang berhasrat untuk berwakaf boleh mewakafkan harta kepada warisnya’.

Mengikut tujuan wakaf atau *mawquf alaih* yang termaktub dalam Enakmen Wakaf Terengganu di bawah Seksyen 14 bahawa hanya dua jenis wakaf yang dikuatkuasakan iaitu wakaf khas dan wakaf am. Wakaf zuriat adalah termasuk daripada bahagian jenis wakaf khas kerana *mawquf alaih* dikhatuskan kepada pihak tertentu sahaja, seperti manfaat kepada anak, cucu dan lapisan seterusnya. Bagi mekanisme pelaksanaan pula, setiap permohonan wakaf khas atau wakaf am mestilah diproses mengikut garis panduan atau ‘Standard Operasi Prosedur’ (SOP) yang telah ditetapkan. Antaranya, pemohon mestilah mengisi ‘Borang Permohonan Wakaf’ dan ‘Borang Ikrar Wakaf’. Di dalam borang tersebut mempunyai beberapa item yang perlu di isi, antaranya jenis wakaf. Jika seseorang hendak mewakafkan sebagai wakaf zuriat, maka hendaklah mengisi dalam ruangan tersebut (MAIDAM 2020). Setelah melengkapkan segala dokumen yang dikehendaki, proses pendaftaran ini mengambil masa tidak melebihi 6 bulan. Ia mengambil masa yang agak panjang kerana proses ini melibatkan siasatan tapak

atau tanah. Kemudiannya akan di bawah ke Pejabat Tanah untuk proses ‘Pertukaran Hak Milik’, di sini pula mengambil masa iaitu setiap permohonan wakaf mestilah mendapat ‘Kebenaran Pindah Milik’ melalui proses ‘Borang G’. Kebenaran tersebut adalah diputuskan oleh pihak Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri MMKN. Proses ini melibatkan dua agensi yang melaksanakan iaitu Pejabat Tanah & Daerah serta Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu (Fatimah Harun 2020).

Setelah garan hak milik tanah di daftarkan, pihak MAIDAM akan merekodkan tanah tersebut sebagai wakaf zuriat. Rekod wakaf zuriat adalah berbeza dengan wakaf yang lain. Ini kerana wakaf zuriat mempunyai senarai ahli zuriat yang perlu dikemaskini oleh pihak wakil pewaris, manakala wakaf yang lain tidak mempunyai data-data tersebut. Rekod tanah wakaf melibatkan beberapa item yang dimuatkan, contoh konstruk item yang diperolehi daripada pihak MAIDAM iaitu:

Jadual 1: Contoh Konstruk Item Bagi Rekod Tanah Wakaf di Terengganu

Bil	Daerah	Mukim	Tempat	Lot / GM	Luas	Pewakaf	Tarikh	Tujuan
-	-	-	-	-	-	-	-	-
-	-	-	-	-	-	-	-	-
-	-	-	-	-	-	-	-	-

Sumber: Unit Wakaf dan Sumber Am MAIDAM 2020

Berdasarkan jadual 1 di atas, bagi mengenal pasti mana-mana jenis wakaf adalah berdasarkan kepada item ‘Tujuan’. Item ini terletak pada bahagian terakhir. Wakaf zuriat akan diisi secara spesifik seperti wakaf zuriat Haji Abdullah. Namun rekod ahli waris dimuatkan di dalam fail masing-masing kerana maklumat yang diterima oleh pihak MAIDAM adalah berbentuk pelbagai. Kini, sebanyak 12 wakaf zuriat yang direkodkan dan setiapnya mempunyai tarikh perwakafan yang berbeza. Maklumat tarikh wakaf tersebut sebagai mana berikut:

Jadual 2: Kedudukan Tahun

Tarikh Perwakafan	Tahun	Jumlah
1800	Masihi	1
1920-1970	Masihi	5
1970-2000	Masihi	6

(Unit Wakaf dan Sumber Am MAIDAM 2020)

Rekod-rekod wakaf zuriat masih mempunyai maklumat yang berstatus ‘Rahsia’. Justeru, maklumat yang diperolehi adalah sangat terhad dan data-data diberikan dalam bentuk jumlah yang umum. 12 wakaf zuriat yang direkodkan adalah sebagai mana berikut:

Jadual 3: Jenis-jenis Wakaf Zuriat

Bil	Jenis Wakaf
1	Wakaf Zuriat Haji Abdullah Mohamad Al-Fathani
2	Wakaf Zuriat Tok Pelam
3	Wakaf Zuriat Tuan Sulong
4	Wakaf Zuriat Syed Zain
5	Wakaf Zuriat Che Wook
6	Wakaf Zuriat Haji Awang
7	Wakaf Zuriat Tengku Nik Maimunah

-
- | | |
|----|---------------------------------|
| 8 | Wakaf Zuriat Haji Abdullah |
| 9 | Wakaf Zuriat Syaikh Abdul Kadir |
| 10 | Wakaf Zuriat Nik Mahani |
| 11 | Wakaf Zuriat Haji Mohamad |
| 12 | Wakaf Zuriat Tuan Dalan |
-

(Unit Wakaf Dan Sumber Am MAIDAM 2020)

DAPATAN KAJIAN

Dapat kajian akan menjawab tiga objektif kajian di atas sebagai mana berikut:

i. Status Ahli Zuriat:

Di dalam Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 31 telah memberi dasar yang jelas mengenai status penerima manfaat wakaf, ini termasuk penerima manfaat wakaf di kalangan ahli zuriat. Di bawah seksyen tersebut iaitu 31 (d): ‘*Mawquf ‘alaih* itu tidak dapat dikesan selepas tempoh setahun dari wakaf itu mula berkuat kuasa setelah segala usaha yang munasabah untuk mengesannya telah dibuat oleh Majlis.’

Jika pihak pewaris tidak dapat dikenal pasti maka undang-undang ini akan terpakai. Namun demikian, ia perlu terlebih dahulu mendapatkan Keputusan Jawatankuasa fatwa Negeri Terengganu mengenai permasalahan ini. Dasar ini termaktub di bawah Seksyen 31 (3) iaitu: ‘*Mawquf ‘alaih* tidak berhak ke atas apa-apa manfaat, kepentingan atau keuntungan *mawquf* itu sebelum keputusan Jawatankuasa Fatwa di bawah subseksyen (2) diperoleh.

Salah satu wakaf zuriat yang telah di bawa ke Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu setelah pihak MAIDAM mengenal pasti ahli warisnya dan keputusannya tiada maklumat diperolehi dalam tempoh tersebut iaitu wakaf Zuriat Roh Haji Omar Bin Zakaria. Keputusan fatwa kali Ke-10 bertarikh 15 Julai 2018 iaitu: ‘Wakaf zuriat Roh Haji Omar Bin Zakaria harus ditukarkan kepada wakaf am’

Sebelum itu, mana-mana wakaf zuriat yang perlu di bawa jawatankuasa fatwa, beberapa proses yang akan dilaksanakan oleh pihak MAIDAM. Pertama, menyemak segala maklumat ahli waris, jika didapatinya pihak MAIDAM akan menghubungi serta menghantar surat. Kedua, jika langkah pertama tidak berjaya, pihak MAIDAM akan membuat hebatan secara umum seperti iklan melalui surat khabar. Ketiga, jika langkah ini juga tidak berjaya, maka dibuat papan tanda dan dengan memaklumkan untuk mencari ahli waris. Papan ini diletakkan di atas tanah wakaf zuriat tersebut. Keempat, setelah ketiadaannya juga maka pihak MAIDAM akan membawa ke peringkat jawatankuasa fatwa (Ummi Habibah 2020). Kini, berdasarkan maklumat yang diperolehi, sebanyak 3 wakaf zuriat yang mempunyai ahli waris. Manakala 9 lagi masih dalam proses mencari dan mengenal pasti ahli waris.

ii. Ikrar Perwakafan:

Ikrar wakaf merupakan elemen penting terhadap wakaf zuriat. Ini kerana sebuah pembuktian wakaf adalah berdasarkan kepada ikrar wakaf (Ummi Habibah 2020). Mengikut rekod yang ada di MAIDAM, ikrar wakaf ditulis dengan dua bentuk iaitu tulisan jawi dan rumi. Bagi tulisan jawi ianya berdasarkan kepada pendaftaran wakaf yang berusia 1970 hingga 1800. Manakala 1970 hingga 2000 pula ditulis dalam bahasa rumi. Ketika itu, format atau borang secara rasmi mengenai pendaftaran wakaf zuriat tidak lagi dikeluarkan oleh pihak MAIDAM. Justeru, dokumen yang diberikan adalah dengan pelbagai bentuk ikrar wakaf sama ada ditulis dalam bahasa jawi atau rumi.

Jadual 4: Dokumen Wakaf Zuriat di Terengganu

Tulisan	Jumlah
Jawi	6
Rumi	6

(Unit Wakaf Dan Sumber Am MAIDAM 2020)

Berdasarkan jadual 3 di atas, ikrar wakaf dalam bentuk tulisan jawi agak sukar difahami sehingga ia perlu kepada penjelasan semula oleh pihak jawatankuasa fatwa dan salah satu ikrar perwakafan yang telah diputuskan semula iaitu wakaf zuriat Haji Abdullah Bin Muhammad Al-Fatani. Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Kali 14 bertarikh 11 Disember 2018 iaitu:

Menurut ikrar Wakaf Haji Abdullah bin Muhammad Al-Fatani, selepas beliau meninggal hasil manfaat tanah wakaf zuriat tersebut hendaklah dibahagikan sama rata di antara anak lelaki dan perempuan dari lapisan pertama;

Jika ada yang meninggal dalam lapisan pertama maka bahagiannya akan kembali kepada yang masih hidup dalam lapisan yang sama selagi mana masih ada yang hidup dalam lapisan yang pertama, maka manfaat wakaf tersebut tidak boleh dipindahkan kepada lapisan yang kedua dan begitulah seterusnya setiap lapisan;

Setelah kesemua di lapisan pertama meninggal dunia, maka kaedah pembahagian di lapisan yang kedua adalah sama sebagaimana di lapisan pertama iaitu dibahagikan sama rata di antara anak lelaki dan anak perempuan dari saluran anak lelaki sahaja. Manakala dari saluran anak-anak perempuan tidak berhak menerimanya. Begitulah lapisan-lapisan seterusnya;

Setelah anak-anak dari saluran anak lelaki tidak ada lagi, maka hak manfaat tanah wakaf ini akan berpindah kepada anak-anak dari saluran anak perempuan berdasarkan lapisan demi lapisan;

Setelah golongan ini tidak ada lagi, maka berpindahlah manfaat wakaf ini kepada guru-guru yang mengajar di Masjidil Haram di Mekah dan seterusnya sebagaimana yang tercatat di dalam Ikrar Wakaf Haji Abdullah Muhammad Al-Fatani

Ikrar perwakafan (Dokumen ikrar perwakafan asal adalah maklumat rahsia. Untuk kajian hanya diberikan keputusan fatwa yang telah meneliti mengenai kandungan ikrar tersebut) ini telah mula didaftarkan pada tahun 11 Syawal 1335 Hijriah bersamaan 1917 Masihi. Setelah diputuskan oleh jawatankuasa fatwa mengenai kandungan ikrar wakaf ini, pihak ahli waris mestilah mematuhi apa yang diputuskan terutamanya mengenai pembahagian hasil wakaf.

iii. Hasil Pendapatan Wakaf Zuriat:

Wakaf zuriat adalah termasuk dalam kategori wakaf khas. Berdasarkan Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 38 (2) bahawa setiap hasil wakaf khas mestilah diberikan berdasarkan hasrat pewakaf sebagai mana di bawah seksyen ini iaitu: ‘Segala manfaat, faedah atau kepentingan daripada suatu wakaf khas hendaklah digunakan mengikut terma-terma yang ditentukan oleh *waqif* kecuali terma-terma yang

bercanggah dengan hukum syarak'.

Justeru, dalam konteks wakaf zuriat hasilnya akan diberikan kepada ahli waris pewakaf. Namun demikian, ahli waris mestilah tertakluk kepada terma-terma yang ditetapkan oleh pewakaf. Jika terma tersebut adalah mengelirukan maka pihak MAIDAM akan memohon pandangan dan keputusan daripada pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu. Apa yang menjadi persoalan iaitu hasil-hasil yang diperolehi daripada pembangunan wakaf zuriat masih lagi rendah. Ini merupakan salah satu sebab pihak pewaris berpandangan negatif kepada pihak MAIDAM (Ummi Habibah 2020).

Untuk mendapatkan hasil ke atas tanah-tanah wakaf khusus di negeri Terengganu, ianya memerlukan kepada pembangunan secara optima. Namun demikian, agak sukar untuk mencapai matlamat tersebut kerana setiap pembangunan memerlukan kepada kos atau perbelanjaan yang besar. Justeru itu, pihak MAIDAM telah mengambil pendekatan supaya tanah-tanah wakaf termasuk wakaf zuriat dimajukan secara sewaan sementara seperti kegunaan untuk pertanian dan perniagaan kecil. Dalam keadaan tersebut, pihak penyewa adalah kebanyakannya golongan yang berpendapatan rendah dan kadar bayaran sewaan dikenakan tidak terlalu tinggi. Hasil kutipan sewaan ini pihak MAIDAM akan mengembalikan semula kepada pihak pewaris pewakaf sebagai memenuhi tanggungjawabnya (Ummi Habibah 2020).

Data yang diperolehi mengenai pembangunan wakaf zuriat sangat terhad. Beberapa maklumat yang diperolehi adalah secara umum sebagai mana berikut:

Jadual 5: Pembangunan Tanah Wakaf Zuriat

Bil	Jenis Wakaf	Status Pembangunan
1	Wakaf Zuriat Haji Mohamad Al-Fathani	Premis Perniagaan
2	Wakaf Zuriat Tok Pelam	Premis Perniagaan
3	Wakaf Zuriat Tuan Sulong	Sewaan Tapak Kediaman
4	Wakaf Zuriat Syed Zain	Sewaan Tapak Kediaman
5	Wakaf Zuriat Che Wook	Pertanian
6	Wakaf Zuriat Haji Awang	Pertanian
7	Wakaf Zuriat Tengku Nik Maimunah	Sewaan Tapak Perniagaan
8	Wakaf Zuriat Haji Abdullah	Pertanian
9	Wakaf Zuriat Syaikh Abdul Kadir	Sewaan Tapak Kediaman
10	Wakaf Zuriat Nik Mahani	Pusat Pengajian Islam
11	Wakaf Zuriat Haji Mohamad	Pertanian
12	Wakaf Zuriat Tuan Dalan	Pertanian

Sumber: Unit Wakaf dan Sumber Am MAIDAM 2020

Berdasarkan jadual di atas, pelbagai jenis pembangunan tanah yang telah dimajukan. Namun kesemua pembangunan tersebut masih pada tahap sederhana, iaitu hasil pendapatannya cukup memberi pulangan kepada ahli zuriat dengan kadar tertentu. Faktor pihak ahli zuriat yang mendapat pulangan sedikit adalah disebabkan bertambahnya zuriat keturunan. Antara maklumat yang diperolehi iaitu wakaf zuriat Haji Abdullah Mohamad Al-Fathani, zuriatnya mencecah 300 orang manakala hasil pendapatan wakaf pula hanya 3 hingga 5 ribu setahun. Apabila diagihkan jumlah tersebut, ianya dianggap tidak memadai jika dibandingkan kos saraan harian pada masa kini. Bagi menyelesaikan permasalahan ini, pihak MAIDAM membuka ruang kepada mana-mana pihak pemaju yang berminat untuk membangunkan secara optima ke atas tanah-tanah wakaf termasuk wakaf zuriat (Ummi Habibah 2020).

KESIMPULAN

Wakaf zuriat merupakan sebuah warisan penting pada masa kini. Ia meliputi beberapa elemen yang menjadi perhatian antaranya dokumen ikrar wakaf. Beberapa ikrar wakaf yang ditulis dalam bahasa jawi dan rumi dikuatkuasakan sebelum kemerkaan lagi. Ini membuktikan bahawa pelaksanaan wakaf merupakan warisan Islam di alam Nusantara sejak puluhan tahun. Namun demikian, di sebalik ini perlu dilihat bagaimana kesinambungan ahli zuriat para pewakaf adakah aktif atau tidak. Apa yang dikaji bahawa terdapat juga ahli zuriat tidak ditemui, walau bagaimana pun pihak MAIDAM dalam usaha mendapatkan status zuriat tersebut. Manakala hasil pendapatan daripada pembangunan wakaf zuriat pula kurang memberangsangkan iaitu para ahli zuriat memperolehi sumber hasil yang rendah. Ini disebabkan kerana kekurangan dana untuk membangun tanah-tanah wakaf tersebut secara pembangunan komersial. Justeru itu, pihak MAIDAM sedang berusaha untuk membangunkan tanah-tanah tersebut dengan menawarkan kepada pihak pemaju atau mana-mana badan yang berminat. Jika pembangunan ini dapat direalisasikan maka ia dapat memberi sumbangan penting kepada urus tadbir wakaf di negara ini khususnya di negeri Terengganu.

RUJUKAN

- Atiyyah, Muhamah Salim, t.th, ‘*Sharḥu Fi Bulūgh Marām*’ ed, 1, t.tp: Syabaktul Islāmiyyah.
Data-Data Wakaf Zuriat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Terengganu) 2001 (En. 2/2001).
Enakmen Wakaf (Negeri Perak) 2015.
Enakmen Wakaf (Negeri Terengganu) 2016 (En.1/2016).
Fakhruddin Abd Rahman. 2019. ‘*Wakaf Zurri Pulau Pinang*’ Kertas Kerja: Pemerkasaan Wakaf Zuriat di Era Kontemporari’ UiTM Shah Alam 3-4 Disember 2019.
Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji ‘JAWHAR’. 2009. *Manual Pengurusan Tanah Wakaf*, ed, 2. Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd.
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ‘JAWHAR’. 2018, *Panduan Pengurusan Wakaf Institut Pendidikan*, ed,1. Putrajaya: JAWHAR.
Portal Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM):
<http://www.maidam.gov.my/index.php/en/cara-memohon-bantuan-zakat-maidam>
Surat rasmi daripada Jabatan Mufti Negeri Terengganu JMN.TR.610/1/6/4 JLD.4 (54) bertarikh 23 Julai 2018.
Syakira Mohamad. 2019) ‘*Wakaf Zuriat Negeri Kelantan*’ Kertas Kerja: Pemerkasaan Wakaf Zuriat di Era Kontemporari’ UiTM Shah Alam 3-4 Disember 2019.
Ummi Habibah, Fatimah Harun & Roseli Yusuf. 2020. ‘Kajian Pelaksanaan Wakaf Zuriat Di Negeri Terengganu’. Temubual 15 Januari
al-Zuhayli, Wahbah. 2008. *Fiqhu al-Islam wa al-Adillah*. Jld. 8, ed. 6, Damsyik: Dār al-Fikr.